

PENGURUSAN PENYELENGARAAN
BANGUNAN-BANGUNAN SEKOLAH

NORSAFIAH BINTI NORAZMAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

ABSTRAK

Penyelenggaraan bangunan sekolah merupakan suatu aspek yang perlu diberi perhatian serius. Ia penting dalam mengekalkan fungsi asal bangunan sekolah. Walaupun bangunan sekolah sering diselenggara, masih ada lagi bangunan-bangunan sekolah yang mengalami kerosakan. Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti amalan-amalan pengurusan penyelenggaraan di bangunan-bangunan sekolah serta masalah-masalah yang dihadapi. Kajian ini terhad kepada bangunan-bangunan sekolah kebangsaan menengah di Negeri Sembilan Darul Khusus. Data diperolehi adalah menggunakan kaedah temubual semi-struktur dan temubual berstruktur. Kajian ini mendapati bahawa antara amalan-amalan pengurusan penyelenggaraan yang dikenalpasti adalah sebahagian besar daripada responden telah melaksanakan sepenuhnya prosedur-prosedur penyelenggaraan yang telah ditetapkan tetapi ada juga diantara responden tidak mengikuti sepenuhnya prosedur-prosedur yang telah digariskan, jenis penyelenggaraan pemberian adalah yang biasa diamalkan, tempoh masa yang diamalkan untuk pengurusan penyelenggaraan adalah dua hingga tiga hari, tempoh selang masa penyelenggaraan dilakukan adalah selama dua kali setahun, dan guru-guru adalah individu yang biasa melaporkan jika terdapat kerosakan. Manakala, antara masalah utama pengurusan penyelenggaraan bangunan sekolah yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah masalah kewangan. Kesimpulannya, jika amalan-amalan pengurusan penyelenggaraan bangunan sekolah dijalankan dengan betul dan sempurna, ia mampu mengurangkan segala masalah-masalah yang berkaitan. Akhirnya, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pembaca.

ABSTRACT

School building maintenance is a one aspect that must give seriously attention. It is important to maintain the original function for school buildings. Although, the school buildings always being maintenance, it still have the school buildings that defect. The objectives of this study are to determine the maintenance management practices in school buildings and the problems that faced. This study limited to the buildings of national secondary school in Negeri Sembilan Darul Khusus. The data achieved with use method of semi-structure interview and structure interview. This study find that between maintenance management practices executed by respondent is most of the respondent have implemented fully maintenance procedures was prescribed but there are also have the respondent that not implemented fully maintenance procedure guideline, repaired maintenance type are those used to be practiced, period of time that is predicted for maintenance management are two to three days, time period of interval maintenance made is as long as twice a year, and teachers is usual individual reported if has been damage. While, the main problem maintenance management of school building that identified in this study is financial problem. For the conclusion, if maintenance management practices school building carried out correctly and perfect, it can reduce all related problems. Finally, is hoped this study could bring benefit to reader.